

08/03/2000

MDC bantu Indonesia bina projek multimedia

Saidon Idris

PERBADANAN Pembangunan Multimedia (MDC), akan menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) dengan sebuah konsortium yang dianggotai lima syarikat dan organisasi Indonesia bagi bekerjasama membangunkan projek mirip Koridor Raya Multimedia (MSC) di republik itu.

MoU itu akan ditandatangani esok di Jakarta sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Indonesia.

Lima syarikat dan organisasi yang menganggotai konsortium Indonesia itu ialah Institut Teknologi Bandung, PT Indosat TBK, PT Sisindosat, Yayasan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi Indonesia dan PT Krakatua Information Tehnology.

MoU yang bakal ditandatangani itu adalah yang keempat bagi MDC dalam usahanya memenuhi salah satu matlamat MSC, iaitu menghubungkan koridor raya itu dengan bandar pintar lain di seluruh dunia.

Sebelum ini, MDC sudah menandatangani MoU dengan projek Hospital, Universiti, Perniagaan dan Sekolah (HUBS) King of Prussia, Pennsylvania, Amerika Syarikat, MoU tiga pihak dengan Emirates Arab Bersatu dan Mesir yang dibuat melalui Ajman University for Science and Tehnology serta dengan Ceylindo Consolidated, sebuah syarikat di bawah Kumpulan Ceylindo, Sri Lanka.

Bercakap dalam sidang akhbar mengumumkan MoU itu di Cyberjaya semalam, Naib Presiden Kanan MDC Dr Mohamed Arif Nun berkata, MoU dengan konsortium Indonesia itu akan turut merangkumi kerjasama di antara kedua-dua pihak dalam mewujudkan projek Teknologi Maklumat (IT) dan Multimedia dalam sekolah bestari, kerajaan elektronik dan perdagangan secara elektronik (e-dagang).

Beliau berkata, satu delegasi yang akan disertai oleh wakil syarikat IT di Malaysia akan membuat lawatan kerja ke Indonesia bulan depan bagi merangka butir terperinci dan mengenal pasti bidang kerjasama yang boleh dibangunkan.

Delegasi itu akan diketuai oleh Pengerusi MDC Tan Sri Othman Yeop Abdullah. Mohamed Arif berkata, minat yang ditunjukkan Indonesia dalam membangunkan projek mirip MSC itu sekali gus mengenenepikan kritik yang dibuat terhadap projek berkenaan sebelum ini.

"Hakikat bahawa negara jiran kita mahu menjadikan MSC sebagai model bagi inisiatif yang sama di republik itu membuktikan kemajuan yang dicapai MSC di dalam tempoh tiga setengah tahun ia dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata, kini terdapat 302 syarikat bertaraf MSC yang mana separuh adalah syarikat IT dan multimedia tempatan dan 34 syarikat IT dan multimedia bertaraf dunia.

Sementara itu, ketua delegasi konsortium Indonesia itu, Dr Munawar Ahmad yang turut hadir pada sidang akhbar itu berkata, MoU itu adalah langkah awal bagi kemungkinan untuk mewujudkan koridor raya multimedia Jakarta-Kuala Lumpur.

Beliau yang juga Ketua Pengajian IT dan Telekomunikasi, Institut Teknologi Bandung berkata, Indonesia kini sedang membangunkan projek yang mirip MSC iaitu "Nusantara 21".

(END)